

21 DEC 2001

Ling-Indera Kayangan

PERGOLAKAN TAK JEJASKAN PERSIAPAN MCA BAGI PILIHAN RAYA KECIL

KANGAR, 21 Dis (Bernama) -- Pergolakan dalam MCA tidak menjejaskan persiapan parti itu bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berharap rakyat terutama anggota MCA dan masyarakat keturunan Cina tidak bimbang dengan perkembangan terbaru parti itu termasuk penggantian tugas Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat dan 46 anggota jawatankuasanya semalam.

"Demi parti, keamanan dan kestabilan, tiada siapa yang dipecat, tetapi digantung," kata Dr Ling selepas menziarahi mendiang Datuk Khor Liang Tee di Taman Muhibbah, Jejawi dekat sini hari ini.

Khor, anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan, meninggal dunia di Pusat Rawatan Gleneagles Intan, Kuala Lumpur, Rabu lalu kerana barah usus.

Kematian Khor menyebabkan pilihan raya kecil perlu diadakan di kawasan itu dan Barisan Nasional (BN) telah menetapkan bahawa kerusi itu diperuntukkan kepada MCA.

Mengenai senarai calon bagi pilihan raya kecil itu, Dr Ling berkata beliau akan menyerahkannya untuk pertimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN beberapa hari lagi.

"Perdana Menteri akan memutuskan calon yang sesuai bagi Indera Kayangan," katanya.

Menurutnya, tugasnya sekarang ialah mendapatkan senarai cadangan calon daripada MCA bahagian Kangar untuk diteliti dan diserahkan kepada Dr Mahathir.

Mengulas teguran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya MCA mengetepikan semangat berpuak dalam parti itu, Dr Ling berkata perkara itu tidak perlu berlaku.

"MCA adalah sebuah parti dan mempunyai seorang presiden," kata Dr Ling.

Sementara itu yang turut menziarahi mendiang Khor hari ini ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung.

-- BERNAMA

AD NMO